



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 12 OKTOBER 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 12 Oktober 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **10,555 kes** (2,217,057 kes kumulatif, 94.2%);
- Kes baharu : **7,276 kes** (2,353,579 kes kumulatif);
- Kes import : **10 kes** (2 warganegara; 8 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **7,266 kes** [6,869 warganegara (94.5%); 397 bukan warganegara (5.5%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **724 kes** (683 kes COVID-19; 41 kes *suspected, probable*, dan kes dalam siasatan);
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **398 kes** (297 kes COVID-19; 101 kes *suspected, probable*, dan kes dalam siasatan);

- Jumlah kluster : **5,611 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **14 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **4,828 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **783 kluster**.

Daripada **7,276 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **150 kes (2.1 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **7,126 kes (97.9 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian kluster-kluster baharu dan nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 1 dan 2 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai norma baharu dan dapatkan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. Dengan pengambilan vaksin, kita dapat melindungi orang di sekeliling daripada kemungkinan jangkitan COVID-19. Dengan imuniti kelompok yang terbentuk, kumpulan yang belum layak diberi imunisasi seperti kanak-kanak dapat dilindungi. Perlindungan untuk semua bermula daripada diri kita.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

12 Oktober 2021 @ 6:30 petang.

LAMPIRAN 1**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 12 OKTOBER 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Jalan Seladang Bukit Mertajam	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	15	160
2	Jalan Alma	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	15	140
3	Industri Jalan Gangsa	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Langat	19	128
4	Sawit Sungai Merbau	Tempat Kerja	Pahang	Rompin	16	21
5	Jalan Pulau Sebang	Tempat Kerja	Melaka	Alor Gajah, Tampin dan Rembau	37	227
6	Kota Emas Pontian	Tempat Kerja	Johor	Pontian	18	86
7	Hang Tuah Tangkak	Komuniti	Johor	Tangkak	20	41
8	Jalan Punai	Komuniti	Johor	Kulai	12	16
9	Jalan Mutiara Tiga Kulai	Komuniti	Johor	Kulai	7	13
10	Air Awat-Awat	Komuniti	Sarawak	Lawas	42	78
11	Bukit Baja	Komuniti	Selangor	Sepang	41	153

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
12	Jalan Raja Chulan Sayong	Kumpulan Berisiko Tinggi	Perak	Kuala Kangsar	13	16
13	Taman Danau Kota	Pendidikan Lain	WP Kuala Lumpur	Titivangsa	6	48
14	Jalan SP 10/1	Institusi Pendidikan Swasta Yang Berdaftar di Bawah KPM	Selangor	Sepang	5	57

**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN
PADA 11 OKTOBER 2021**

NEGERI	NILAI R_T
WP PUTRAJAYA	1.08
NEGERI SEMBILAN	1.04
PERLIS	1.01
KELANTAN	0.96
TERENGGANU	0.95
PAHANG	0.92
WP KUALA LUMPUR	0.92
MELAKA	0.90
SELANGOR	0.87
PERAK	0.87
KEDAH	0.87
SABAH	0.86
JOHOR	0.84
PULAU PINANG	0.83
SARAWAK	0.81
WP LABUAN	0
MALAYSIA	0.88